

Islam dan pemodenan: Iktibar perjalanan sejarah umat terdahulu

PENULIS TAMU



ALFIAN YASRIF
Penulis Tamu

DI sebahagian masyarakat dan negara, pertanyaan bilakah 1 Syawal boleh menjadi isu perbalahan.

Isu ini bukanlah baharu.

Pada 1909, seorang penduduk Tunisia, Muhammad ibn al-Khawajah, memohon fatwa daripada Muhammad Rashid Rida, pengasas serta editor majalah al-Manar tentang keharusan menerima maklumat melalui telegraf.

Ianya adalah teknologi asal Barat yang dapat menyampaikan maklumat secara pantas melalui wayar atau isyarat radio.

Kalau dahulu, perkhabaran 1 Syawal diumumkan secara rasmi oleh Kadi Besar, kini ianya disampaikan oleh telegraf.

Memandangkan belum ada pengumuman rasmi, ada yang memutuskan untuk meneruskan puasa manakala yang lainnya berhari raya.

Tidak hairan kenapa sesetengah penduduk Tunisia menolak penerimaan berita tersebut.

Ini adalah kerana syarikat telegraf ketika itu dimiliki Perancis dan dikendalikan oleh orang Katolik yang kini mempunyai peranan untuk membuat pengumuman keagamaan bagi umat Islam.

Rashid Rida menolak pendapat ini kerana baginya Islam bukanlah agama yang menolak kemajuan.

Menurutnya, Islam mempunyai prinsip-prinsip serta kaedah-kaedah yang membolehkan umatnya untuk membuat perubahan sekiranya perlu dan sesuai.

Beliau amat terbuka dengan teknologi baharu dan mengalu-alukannya sebagai alat yang membantu proses pemodenan.

Malah, menurut beliau lagi, Shaykh al-Azhar Salim al-Bishri, yang se-mazhab dengan kebanyakan penduduk Tunisia (iaitu mazhab Maliki) juga tidak mengharamkan penggunaan telegraf.

Fatwa tentang telegraf ini serta kurang lebih 1,060 fatwa yang lain terakam dalam majalah al-Manar mula dicetak pada 1898.

PERANAN AL-MANAR

Al-Manar bererti rumah api dalam bahasa Arab.

Ianya bertujuan untuk menerangi dunia Islam dengan aliran pemikiran yang ingin melihat kemajuan dalam dunia Islam serta menghidupkan nafas baharu dalam tradisi ilmu Islam.

Walaupun al-Manar tidak banyak diedar,



MANFAAT TEKNOLOGI: Umat Islam kian terdedah dengan teknologi yang boleh memberi manfaat dalam kepentingan saintifik, ekonomi dan juga kepada kehidupan keagamaan. – Foto hiasan ISTOCKPHOTO

namun ianya dibaca and dilanggan oleh kalangan cerdik pandai Islam di serata dunia.

Mereka rata-rata boleh membaca and memahami bahasa Arab dan mempunyai pengetahuan tentang tradisi ilmu Islam serta pergolakan dunia. Sedikit sebanyak, isu-isu yang ditimbulkan dipacu oleh kepentingan mereka serta apa yang menjadi kekusaran mereka.

Malah, mereka bukan sekadar menanyakan soalan tetapi juga mengambil peluang untuk berkongsi pendapat apa cara yang terbaik untuk merungkai masalah yang dihadapi umat Islam.

Ini memberi peluang kepada Rashid Rida untuk memikirkan respons bagi memenuhi permintaan pelanggan majalahnya dan merenung tentang perubahan sains dan teknologi dan keterkaitannya dengan amalan agama.

Rashid Rida merupakan anak didik serta rakan seperjuangan Muhammad Abdul, Mufti Mesir dari 1899 – 1905.

Daripada fatwa-fatwa ini, kita dapat melihat apa yang menjadi kebimbangan umat Islam pada akhir kurun ke-19 and awal kurun ke-20.

Harus diingat bahawa kebanyakan orang Islam ketika itu berada di bawah jajahan Eropah.

India dan Tanah Melayu berada di bawah penjajahan Inggeris manakala Indonesia berada di bawah jajahan Belanda.

Penjajah Eropah ini memastikan bahawa mereka dapat memiliki hasil bumi tanah-tanah jajahan serta menguasai pasaran perdagangan.

Oleh yang demikian, orang Islam terdedah dengan lambakan barangan Eropah seperti pakaian, tisu tandas, dan berus gigi; teknologi Barat seperti telegraf, telefon, kamera, gramafon; dan instrumen-instrumen kewangan baharu seperti yang dikeluarkan institusi-institusi insurans dan perdagangan Barat.

Mereka memerlukan panduan keagamaan bagi menangani isu-isu baharu ini dan melihat Rashid Rida sebagai tokoh yang dapat berbuat demikian.

Bagi mereka, beliau mempunyai kewibawaan dan ketokohan.

Jadi, mereka tidak teragak-agak untuk menjadi pelanggan al-Manar dan membuat bayaran bagi mendapatkan fatwa.

Pemohon fatwa menghantar pertanyaan dari pelbagai pelusuk dunia selain dunia Arab seperti:

Amerika Selatan, Eropah, India, Cina dan juga dunia Nusantara.

Yang menariknya, kebanyakan penanya menengahkan isu-isu yang agak sama walaupun mereka hidup di berlainan tempat. Sebagai contoh, fatwa tentang perkhabaran 1 Syawal turut ditanya oleh umat Islam di India dan Cina.

“Tujuan makalah ini bukanlah untuk menengahkan Rashid Rida sebagai pelopor idea yang perlu dijadikan contoh. Pendapat Rashid Rida boleh dikritik malah ditolak. Dalam fatwanya, beliau tidak menyentuh bagaimana lambakan barangan Eropah adalah hasil daripada perjanjian perdagangan bebas yang memihak kepada kepentingan Barat dan menghancurkan industri anak watan. Namun, apa yang terserlah dalam penulisannya adalah keprihatinan beliau bagaimana umat Islam boleh menghadapi cabaran-cabaran moden. Beliau tidak terus mengharuskan penggunaan teknologi Barat tetapi akan hanya membuat keputusan setelah mengambil kira kemaslahatan umum dan kemakmuran individu.”

– Penulis

pat bahawa gambar dapat membantu memperkayakan maklumat yang dikumpul di dalam ensiklopedia dan buku teks, membantu pihak penyiasat merekod tempat kejadian jenayah serta membantu pihak polis merekod wajah penjenayah, dan juga membantu umat Islam mengenalpasti binatang mana yang haram dimakan.

Pada pandangannya, teknologi Barat seperti kamera dan telegraf mempunyai potensi membawa kemaslahatan dan juga membantu dalam kepentingan saintifik dan keagamaan.

PENGAJARAN

Tujuan makalah ini bukanlah untuk menengahkan Rashid Rida sebagai pelopor idea yang perlu dijadikan contoh.

Pendapat Rashid Rida boleh dikritik malah ditolak.

Dalam fatwanya, beliau tidak menyentuh bagaimana lambakan barangan Eropah adalah hasil daripada perjanjian perdagangan bebas yang memihak kepada kepentingan Barat dan menghancurkan industri anak watan.

Namun, apa yang terserlah dalam penulisannya adalah keprihatinan beliau bagaimana umat Islam boleh menghadapi cabaran-cabaran moden.

Beliau tidak terus mengharuskan penggunaan teknologi Barat tetapi akan hanya membuat keputusan setelah mengambil kira kemaslahatan umum dan kemakmuran individu.

Aliran pemikirannya menjadi satu contoh bagaimana wacana ilmu Islam berdepan dengan perubahan yang berlaku sewaktu zaman penjajahan.

Rashid Rida hidup di zaman peralihan di mana empayar masih berleluasa tetapi terdapat juga benih kebangkitan nasionalisme anti-penjajah dan gerakan-gerakan kemerdekaan.

Pastinya, kita hidup di zaman yang jauh lebih berbeza dengan beliau.

Apa yang penting untuk kita hargai adalah cabaran yang dihadapi umat Islam pada zaman itu.

Mereka berdepan dengan teknologi yang banyak mengubah cara pandang, tradisi serta amalan mereka.

Kini, kita berdepan dengan cabaran yang tidak kurang rumitnya.

Tidak salah sekiranya kita mengambil iktibar daripada perjalanan sejarah umat Islam yang menunjukkan keyakinan dalam menghadapi cabaran-cabaran baharu!

► Alfiyan Yasrif adalah lulusan Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan meraih ijazah ganda Sarjana Muda Undang-undang dan Syariah (dengan kepujian). Setelah tamat pengajian Sarjana di Universiti Columbia, New York, beliau pulang ke Singapura untuk berkhidmat di beberapa agensi pemerintah. Beliau kini pelajar PhD di Fakulti Undang-Undang, Universiti Nasional Singapura.